

09 OKTOBER 2017

Isu dadah; tak perlu program baharu

SUKAN

55

Isu dadah: Tak perlu program baharu

MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

KEMENTERIAN Belia dan Sukan menegaskan tiada keperluan memperkenalkan program baharu bagi menangani isu pengambilan dadah dan bahan terlarang dalam kalangan atlet negara.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, semua program diperkenalkan kementerian sudah mencukupi untuk mengatasi isu tersebut.

"Berapa banyak program yang kita nak buat. Kita sudah ada program sebegini dan akan teruskan program tersebut sampai bila-bila,"

katanya ringkas semasa sidang media selepas melancarkan acara Batik Fun Walk 2017 di Balai Seni Visual Negara, di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan kesemua atlet tidak terlibat dalam penyalahgunaan bahan-bahan terlarang yang ditetapkan oleh Agensi Anti Doping Dunia (Wada).

Sebelum ini, arena sukan negara digemparkan dengan berita kegagalan seorang atlet penerjun wanita negara dalam ujian doping yang dijalankan ketika Sukan Sea Kuala Lumpur 2017 (KL2017), Ogos lalu.

Memetik kenyataan Ketua

Jawatankuasa Perubatan dan Anti Doping Persekutuan Sukan Sea (SEAGF), Datuk Dr SS Cheema, ujian makmal yang dilakukan di New Delhi mendapati terdapat bahan larangan dalam sampel A semua atlet tersebut.

"Kita menerima laporan daripada makmal di New Delhi dua minggu lalu yang mengesahkan kewujudan bahan larangan pada tiga atlet yang menyertai KL2017.

"Namun kita tidak boleh membuat kesimpulan dengan mengatakan semua atlet berkenaan bersalah sehingga siasatan menyeluruh dilakukan pihak berkaitan," katanya.